



**KAJIAN TERHADAP REKABENTUK RUMAH ORANG ASLI DI KAMPUNG
AYER MOLEK, IBAM PAHANG**

Nama Pensyarah:

ENCIK SAHRUDIN BIN MOHAMED SOM

Disediakan Oleh:

(C20A0975) FARINA IDAYU BINTI KAMARUDIN

Laporan ini disediakan bagi memenuhi keperluan Ijazah sarjana Muda Pengajian Warisan
dengan Kepujian

Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

2024

PERAKUAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi.



TERBUKA

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)



SEKATAN

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam teks (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah



SULIT

Dari tarikh 13 februari 2024 sehingga _____

(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)



TERHAD

(Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut. Tesis adalah milik Universiti Malaysia Kelantan. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajaran sahaja. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajaran.

farina idayu

Tandatangan Pelajar

Farina Idayu binti Kamarudin

Nama Pelajar:

No. Kad Pengenalan:

000117060112

Tarikh: 13 Februari

2024

Tandatangan Penyelia

EN. Sahrudin Bin Mohamed Som

Nama Penyelia:

Tarikh: 13 Februari
2024

PENGHARGAAN

Syukur ke hadrat ilahi dengan izinnya, atas nikmat kurniaannya dapat menyelesaikan tesis ini dengan sempurna meskipun banyak menempuh pelbagai cabaran dan halangan. Saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih serta setinggi penghargaan kepada penyelia saya iaitu En Sahrudin Bin Mohamed Som kerana telah membimbing dan memberi tunjuk ajar serta nasihat untuk menghasilkan kajian ini. Selain itu, ucapan terima kasih kepada pihak Universiti Malaysia Kelantan (UMK) yang memberi saya peluang untuk melaksanakan kajian ini .

Selain itu, saya turut berterima kasih kepada pihak yang terlibat iaitu Encik Abu A/L Ajiz yang merupakan seorang Tok Batin, Encik Supry A/L Raof dan Puan Izzatul Ain A/P Hussien yang merupakan seorang penduduk kampung di perkampungan Ayer Molek Ibam, Pahang yang terlibat dalam memberi maklumat berkenaan dengan tajuk penyelidikan.tidak dilupakan juga kepada kedua-dua ibu bapa saya yang tidak putus memberi semangat serta sokongan dalam menyiapkan tesis ini. Di samping itu, ucapan terima kasih kepada rakan-rakan yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menyiapkan kajian ini. Segala pertolongan semua amat saya hargai dan saya mendoakan agar kita semua berjaya bersama.

Secara keseluruhannya, saya Farina Idayu Binti Kamarudin mengucapkan jutaan terima kasih dan penghargaan kepada semua yang terlibat selama tempoh saya menyiapkan kajian ini. Segala bantuan yang diberikan saya akan ingat dan saya doakan semoga kalain dipermudahkan segala urusan dunia dan akhirat. Oleh itu, saya berharap agar kajian ini dapat memberi manfaat kepada kita semua untuk generasi akan datang.

Sekian, Terima Kasih.

Farina Idayu Binti Kamarudin (C20A0975)

Universiti Malaysia Kelantan

ISI KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
PERAKUAN	3
PENGHARGAAN	4-6
ISI KANDUNGAN	
ABSTRAK	7
ABSTRACT	8
BAB 1: PENDAHULUAN	9
1.0 Pengenalan	10
1.1 latar belakang kajian	11
1.2 Permasalahan Kajian	12-13
1.3 Persoalan kajian	14
1.4 Objektif Kajian	14
1.5 Skop Kajian	15
1.6 Kepentingan Kajian	16-17
1.6.1 individu	
1.6.2 masyarakat	
BAB 2: KAJIAN LITERATUR	18
2.0 Pengenalan	18-19
2.1 Sorotan Kajian	
2.1.1 Reka Bentuk	18
2.1.2 Definisi Orang Asli	19
2.1.3 Rumah Tradisi	20
2.2 Kerangka Teori	
2.2.1 Teori Kesenian	21

BAB 3: METODOLOGI	
3.0 Pengenalan	
3.1 Pendekatan Kajian	22
3.2 Reka Bentuk Kajian	23
3.3 Kaedah Kajian	
3.3.1 Kaedah Kualitatif	3-25
3.4 Teknik Pengumpulan Data	26-28
3.4.1 Data Primer	
a. Kaedah Temubual	
b. Kaedah Pemerhatian	
3.4.2 Data Sekunder	
a. Kaedah Rujukan Internet	
b. Kaedah Perpustakaan	
c. Tesis	
3.5 Pensampelan Data	29-31
3.6 Kaedah Analisis Data	
3.6.1 Analisis Tematik	
BAB 4: DAPATAN KAJIAN	
4.0 Pengenalan	32
4.1 Mengenalpasti bahan dalam pembinaan struktur rumah Orang Asli di kampung Ayer Molek, Pahang.	33-36
4.1.1 Bahan utama yang digunakan dalam pembuatan rumah orang asli di Kampung Ayer Molek, Pahang.	
4.1.2 Cara mendapatkan bahan dalam pembinaan rumah Tradisi Orang Asli ini.	
4.1.3 Kos dalam mendapatkan bahan binaan rumah Orang asli di Kampung Ayer Molek.	

<p>4.2 Mengkaji ciri-ciri reka bentuk rumah Orang Asli di Kampung Ayer Molek, Pahang.</p> <p>4.2.1 Fungsi ruang dalam pembinaan rumah tradisional ini. 4.2.2 Rumah tradisi Orang Asli ini terwujud 4.2.3 Ilham dalam pembinaan rumah tradisional Orang Asli</p> <p>4.3 Mengkaji faktor menyebabkan orang asli meninggalkan rumah tradisional di kampung Ayer Molek Ibam, Pahang</p> <p>4.3.1 Pembangunan infrastruktur 4.3.2 Perubahan alam sekitar 4.3.3 Faktor peluang pekerjaan</p>	37-40 40-42
<p>5.0 Pengenalan</p> <p>5.1 Cadangan</p> <p>5.2 Kesimpulan</p> <p>RUJUKAN</p> <p>LAMPIRAN</p>	43 45-46 46 47-48 50-55

KAJIAN TERHADAP REKABENTUK RUMAH ORANG ASLI DI KAMPUNG AYER MOLEK IBAM, PAHANG.

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis dan memahami rekabentuk rumah tradisional orang asli. Rumah adat ini merupakan warisan budaya yang perlu dipelihara dan dikaji agar tidak pupus ditelan zaman. dalam kajian ini, pengkaji akan mengkaji bahan -bahan yang digunakan dalam pembinaan rumah tradisional ini. Justeru mengenal setiap bahan dan komponen yang dibina. Selain itu, kajian ini juga membincangkan mengenai ciri-ciri rekabentuk rumah tradisi dimana setiap rumah di kampung Ayer Molek Ibam, Pahang ini telah mengalami kemodenan. Dengan itu, setiap ciri-ciri reka bentuk diambil kira dalam pembinaan rumah tersebut. setiap ciri-ciri rumah tradisi ini mempunyai fungsinya tersendiri dan mempengaruhi kehidupan seharian masyarakat orang asli di Kawasan tersebut. seperti yang di ambil kira adalah ruang dapur, ruang tamu, ruang bilik dan sebagainya. Seterusnya, kajian ini juga mengkaji mengenai faktor-faktor yang menyebabkan orang asli meninggalkan rumah tradisi mereka. Ini dibuktikan dengan terdapat rumah yang terbiar dan tidak dihuni di kawasa tersebut menyebabkan rumah ini hamper pupus dan hilang nilainya. Oleh itu, dengan memahami rekabentuk rumah tradisional orang asli ini diharapkan dapat memberi gambaran dan inspirasi dalam membina rumah yang serta mengekalkan nilai budaya tempatan.

Kata Kunci: Rekabentuk, Rumah Tradisi, Orang Asli.

A STUDY ON THE DESIGN OF NATIVE PEOPLE'S HOUSES IN AYER MOLEK VILLAGE IBAM, PAHANG

ABSTRACT

This study aims to analyze and understand the design of traditional native houses. This traditional house is a cultural heritage that needs to be preserved and studied so that it does not disappear over time. In this study, the researcher will study the materials used in the construction of this traditional house. Thus getting to know each material and component that is built. In addition, this study also discusses the design characteristics of traditional houses where every house in the village of Ayer Molek Ibam, Pahang has experienced modernity. With that, every design feature is taken into account in the construction of the house. each characteristic of this traditional house has its own function and affects the daily life of the indigenous people in the area. as taken into account is the kitchen, living room, bedroom and so on. Next, this study also examines the factors that cause native people to leave their traditional homes. This is proven by the fact that there are abandoned and uninhabited houses in the area, causing these houses to almost disappear and lose their value. Therefore, by understanding the design of traditional native houses, it is hoped that this can provide insight and inspiration in building a house that also preserves local cultural values.

Keywords: Design, Traditional House, Orang Asli.

BAB 1

1.0 PENGENALAN

Seni bina merujuk kepada proses mereka bentuk, membina sesuatu ruang fizikal bagi mewujudkan persekitaran yang berfungsi untuk kehidupan manusia. Ia merupakan bentuk seni yang menggabungkan unsur-unsur estetik untuk mencipta struktur yang merangkumi landskap, bangunan serta ruang dalaman. Menurut Herbert Read, seni adalah penghasilan rupa bentuk yang menimbulkan keceriaan, keseronokkan dan kesenangan estetik. Nilai estetik ini muncul daripada penghasilan sesuatu bangunan. Matlamat utama seni bina ini adalah untuk mencipta ruang yang memenuhi keperluan manusia. Seni bina juga melibatkan proses rekabentuk dimana arkitek itu mereka bentuk bangunan atau struktur berdasarkan keperluan dan objektif tertentu.

Di samping itu, reka bentuk juga mengambil kira aspek teknikal seperti struktur bangunan, penggunaan bahan yang sesuai dan sebagainya. Selain itu, seni bina juga melibatkan penggunaan elemen seni visual seperti garisan, bentuk, ruang, bagi mencipta keindahan visual reka bentuk tersebut. Tujuan seni bina adalah untuk mewujudkan persekitaran yang berfungsi serta dapat memberi kesan yang positif kepada penghuni atau pengguna. Ia juga termasuk dalam kelestarian alam sekitar dan menekankan kepentingan sosial, budaya dan ekonomi. Melalui seni bina, manusia boleh mengubah dan membentuk ruang fizikal yang lebih baik, selamat dan selesa untuk kehidupan sehari-hari.

Orang asli merujuk kepada sekumpulan etnik atau suku kaum yang merupakan orang asli sesuatu wilayah atau negara. Mereka mempunyai hubungan sejarah, budaya dan social yang kuat dengan persekitaran tempat mereka tinggal. Orang asli ini kebiasaanya mempunyai warisan budaya yang tersendiri, termasuk bahasa, tradisi, kepercayaan serta adat yang diturunkan dari generasi ke generasi akan datang. Orang asli menetap di sesuatu Kawasan sebelum kedatangan etnik lain. Dengan itu, mereka mempunyai hubungan yang mendalam dengan alam semula jadi dan mempunyai banyak ilmu pengetahuan berkaitan dengan ekologi, tumbuh-tumbuhan, haiwan dan sumber semula jadi di kawasan tempat mereka tinggal.

Rumah tradisi orang asli adalah rumah yang dibina dan digunakan oleh suku orang asli di sesuatu Kawasan. Rumah traisional ini mempunyai ciri-ciri yang unik dan secara tidak langsung mencerminkan budaya dan gaya hidup orang asli. Rumah tradisi ini juga dibina oleh masyarakat sama ada secara gotong royong sesama ahli keluarga mahupun masyarakat setempat. Penggunaan bahan yang digunakan dalam pembinaan ini juga daripada bahan alam semula jadi. Hal ini kerana, bahan bahan ini mudah didapati tanpa mengeluarkan wang. Pembinaan rumah ini juga berbeza bentuknya mengikut suku dan wilayah orang asli tersebut. sebagai contoh, rumah adat Dayak yang memiliki bentuk seakan panggung dengan tiang-tiang yang tinggi serta atap dari daun rumbia atau ijuk. Rumah ini juga dilengkapi dengan hiasan ukiran. Oleh itu, rumah tradisi ini amat penting dalam memainkan peranan dalam kehidupan seharian suku-suku pribumi. Selain sebagai tempat tinggal, rumah tradisi ini juga digunakan untuk upacara adat, pertemuan masyarakat serta identiti budaya sesebuah suku.

Pembinaan rumah Orang Asli ini juga terdapat di beberapa tempat dan menggunakan pola secara berselerak. Walaupun mereka tinggal di kampung, kebanyakkan masyarakat Orang Asli ini mempunyai pemilikkan tanah sendiri. Ia berpotensi untuk menyumbang hasil kepada sesebuah Negara. Hal ini dikatakan demikian kerana, kebanyakkan Orang Asli bercucuk tanam di tanah mereka sehingga membuat hasil dan dijual kepada peniaga. Kebolehan Orang asli juga ini tidak dinafikan lagi kerana mereka mempunyai kemahiran dalam membuat kraf tangan daripada alam semulajadi. Sebagai contoh, alatan memasak seperti papan pemotong yang dibuat daripada kayu, tikar yang dibuat daripada daun nipah dan sebagainya. Tidak mustahil, masyarakat asli ini mampu membina rumah hanya dengan bahan semula jadi. Oleh itu, Orang Asli juga merupakan salah satu etnik yang mempunyai pemikiran yang kreatif tanpa disedarkan oleh sebilangan masyarakat luar dengan kebolehannya dalam membina struktur rumah yang unik.

1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN

Pahang merupakan sebuah negara yang kaya dengan penempatan bagi masyarakat Orang Asli. Hal ini dikatakan demikian kerana, Pahang merupakan kawasan yang mempunyai banyak sumber hutan serta tanah yang berekar. Dengan itu, mereka menggunakan dengan sebaik mungkin bagi menyara hidup. Orang Asli merupakan orang yang terawal menetap dan dapat dibuktikan dengan sejarah petempatan awal di kawasan tersebut. Terdapat banyak kawasan petempatan Orang Asli antaranya ialah Kampung Ayer Molek Ibam, Pahang. Kampung ini terletak di daerah Rompin, Pahang dan berhampiran dengan tempat tinggal pengkaji. Anggaran masa untuk ke kampung ini adalah selama 10 minit sahaja. Masyarakat Orang Asli yang tinggal di kampung tersebut adalah kelompok Orang Asli Jakun. Orang Asli Jakun ini merupakan kelompok suku asli yang mendiami sebahagian wilayah taman Negara di Pahang. Mereka memiliki kepakaran dalam membuat kraf, memburu serta mengumpulkan hasil hutan. Kaum asli jakun ini juga mempunyai pengetahuan yang meluas mengenai hutan dan tumbuhan. Selain itu, Bahasa yang digunakan adalah Bahasa jakun iaitu termasuk dalam rumpun Bahasa Melayu-Polinesia. Namun begitu, mengikut peredaran zaman masyarakat asli jakun ini berinteraksi dengan kelompok lainnya yang menyebabkan terdapat beberapa anggota suku jakun dapat berkomunikasi dalam Bahasa Melayu atau Indonesia.

Selain itu, masyarakat di kampung Ayer Molek ini juga memiliki tempat tinggal yang telah disediakan oleh (PBROA) iaitu Projek Bantuan Rumah Orang Asli bagi keselesaan mereka. Namun begitu, ada sesetengah masyarakat yang membina rumah Orang Asli sendiri bersebelahan rumah mereka. Ia seakan pondok yang diduduki bagi tujuan untuk bersantai dan beriadah bersama ahli keluarga serta rakan-rakan. Pembinaan rumah Orang Asli ini juga sangat unik serta mempunyai fungsinya tersendiri. Sebagai contoh, penggunaan bahan semula jadi seperti kayu dan daun nipah dapat menyenjukkan dengan memudahkan pengedaran udara berbanding dengan rumah konkrit.

Menurut M Surat (2011), desakan keperluan hidup menyebabkan masyarakat orang asli membina rumah atau tempat perlindungan walaupun terdapat sesetengah daripada suku kaum lain yang mengamalkan hidup berpindah randah. Secara tidak langsung, dengan adanya pembinaan rumah moden ini telah melenyapkan reka bentuk rumah orang asli kini. Pembinaan rumah ini mempunyai nilai keindahan untuk diwarisi. Dengan itu, Kebanyakkannya reka bentuk rumah tradisi masyarakat asli ini dijalankan terlebih dahulu sebelum adanya rumah bantuan orang asli tersebut.

Selain itu, hamid Muhammad Isa (2017) menyatakan bahawa persekitaran hutan memiliki hubungan yang simbiotik dengan rumah masyarakat orang asli ini. disamping itu, fungsi ruang dalam reka bentuk rumah juga mempengaruhi kehidupan sehari-hari mereka. Oleh itu, Kawasan yang dikaji iaitu di Kampung Ayer Molek ini didiami oleh masyarakat asli Jakun. Ini kerana, masyarakat asli Jakun merupakan orang pedalaman yang terawal menetap di Pahang khususnya di Kampung Ayer Molek Ibam. Oleh itu, ia menarik minat pengkaji untuk mengkaji reka bentuk rumah orang asli jakun di Kawasan tersebut.

1.2 PERMASALAHAN KAJIAN

Permasalahan kajian dalam isu yang dikaji ialah kurangnya kajian khusus mengenai reka bentuk rumah orang asli di Kampung Ayer Molek, Pahang. Hal ini dikatakan demikian kerana, kebanyakkan pengkaji mengkaji berkaitan dengan masalah sosioekonomi serta Pendidikan terhadap orang asli berbanding reka bentuk rumah yang dibina. Menurut kajian AM Azima (2018) mengkaji Perubahan Sosioekonomi Komuniti Orang Asli Jakun Akibat Rancangan Penempatan Semula: Satu Kajian Kes Di RPS Runchang, Pahang. Hal ini jelas bahawa kajian lepas ini mengkaji perubahan sosioekonomi dalam pelbagai aspek seperti ekonomi, kesihatan dan juga Pendidikan setelah program penempatan semula ini dilaksanakan. Artikel ini disokong oleh A.Othman (2002) yang mengkaji Persepsi Pelajar Orang Asli/Kementerian Pendidikan Di Daerah Bentong Terhadap Pendidikan dan Vokasional. Ia membincangkan Pendidikan orang asli di sekitar Kawasan tersebut. oleh itu, permasalahan ini telah mendorong pengkaji untuk mengkaji reka bentuk rumah orang asli di kampung Ayer Molek, Pahang.

Seterusnya, permasalahan lain ialah masyarakat muda kini khususnya generasi muda kurang cakna dan kurang pengetahuan mengenai rumah tradisi. Hal ini dikatakan demikian kerana, terdapat beberapa faktor yang menyebabkan anak muda kini kurang pengetahuan mengenai rumah tradisi di Kawasan perkampungan Ayer Molek Ibam Pahang. Dalam era teknologi kini anak muda lebih terdedah dengan budaya popular dan trend moden. Mereka lebih menumpukan kepada perkara yang berkaitan dengan teknologi, media sosial dan gaya hidup bandar. Seiring dengan ini, pengetahuan dan minat terhadap budaya dan tradisi tempatan termasuk rumah tradisional orang asli. Hal ini dibuktikan dengan artikel Dyah Satya Yoga Agustin (2011) yang mengkaji Penurunan Rasa Cinta Budaya Dan Nasionalisme Generasi Muda Akibat globalisasi. Artikel ini menerangkan bahawa teknologi yang memberikan

maklumat tanpa had dan dapat diakses oleh sesiapa sahaja. Dari kemajuan teknologi ini mempengaruhi sektor-sektor lain seperti bidang ekonomi, budaya dan sebagainya. Hal ini menjadikan interaksi antara masyarakat dengan dunia luar lebih cepat hanya dihujung jari. Oleh itu, globalisasi juga mempengaruhi anak muda dalam kehidupan sehari-hari mereka. Dengan adanya pernyataan ini jelaslah bahawa kemajuan teknologi kini mempengaruhi anak muda untuk lebih cenderung dalam budaya moden. Ia membantu pengkaji untuk membuat rujukan mengenai masyarakat muda kini kurang cakna mengenai rumah tradisi orang asli dan lebih kepada teknologi serta mengikuti trend sehingga kehidupan sosial mereka terabai. Hal ini menyebabkan mereka kurang pendedahan berkenaan dengan rumah tradisi orang asli yang berada di sekitarnya.

Selain itu, permasalahan lain yang boleh dikaitkan dengan kajian ini adalah jarak untuk membuat kajian di Kawasan perkampungan Orang Asli agak jauh. Hal ini disebabkan oleh, kebanyakannya orang asli lebih gemar untuk membina rumah di kawasan pedalaman seperti di hutan berbanding pembinaan rumah di bandar-bandar besar. Hal ini kerana, masyarakat Orang Asli lebih dekat dengan alam semula jadi dan dapat menggunakan segala kemewahan yang ada di hutan. Sebagai contoh, mudah untuk mendapat sumber makanan, mudah untuk melakukan aktiviti seperti menangkap ikan untuk santapan dan lain-lain. Mereka juga boleh bercucuk tanam seperti sayur-sayuran, buah-buahan. Dengan itu mereka boleh menjana pendapatan dengan menjual hasil daripada tanaman mereka. Menurut Abdul Ghafar Don (2018) menyatakan sumber pendapatan serta kegiatan masyarakat orang asli ini adalah di sekitar alam semula jadi. Disini mereka menjalankan sistem ekonomi yang berteraskan pertanian, kraftangan serta pemburuan. Artikel ini membuktikan bahawa masyarakat orang asli lebih suka untuk tinggal di kawasan pedalaman, menyebabkan pengkaji sukar untuk mengkaji masyarakat orang asli. Dengan itu, jelaslah bahawa permasalahan ini dapat dikaitkan dengan kajian yang akan dijalankan.

Di kampung Ayer Molek Ibam, terdapat beberapa rumah tradisi yang masih tinggal namun begitu, setelah membuat saringan didapati hanya sebuah rumah sahaja yang dianggap rumah asal di kawasan tersebut. Hal ini dikatakan demikian kerana rumah-rumah tersebut telah ditambah dengan batu bata menyebabkan rumah tradisi tidak lagi menjadi tarikkan khususnya bagi masyarakat asli.

1.3 PERSOALAN KAJIAN

Dalam persoalan kajian ini, pengkaji telah membina beberapa persoalan untuk menjawab objektif kajian berkenaan dengan rekabentuk rumah Orang Asli di Kampung Ayer Molek, Pahang. Antara persoalannya ialah:


- 1) Apakah bahan utama dalam pembinaan struktur rumah Orang Asli di kampung Ayer Molek, Pahang?
- 2) Apakah ciri-ciri yang reka bentuk rumah Orang Asli di Kampung Ayer Molek, Pahang?
- 3) Apakah faktor yang menyebabkan orang asli meninggalkan rumah tradisional di kampung ayer Molek Ibam, Pahang?

1.4 OBJEKTIF KAJIAN

Dalam menjalankan kajian ini, pengkaji telah membentuk beberapa objektif kajian. Antaranya objektif yang telah menjawab persoalan kajian adalah seperti di bawah:

- 1) Mengenalpasti bahan dalam pembinaan struktur rumah Orang Asli di kampung Ayer Molek, Pahang.
- 2) Mengkaji ciri-ciri reka bentuk rumah Orang Asli di Kampung Ayer Molek, Pahang.
- 3) Mengkaji faktor menyebabkan orang asli meninggalkan rumah tradisional di Kampung Ayer Molek Ibam, Pahang.

1.5 SKOP KAJIAN



Rajah 1: Peta lokasi kampung Ayer Molek, Pahang

Sumber: Google Maps, 2023

Penyelidikan ini membincangkan mengenai kajian terhadap rekabentuk rumah Orang Asli dikampung Ayer Molek, Pahang. Kajian ini akan dijalankan di Kawasan perkampungan Orang Asli yang terletak di Rompin, Pahang. Antara faktor tempat ini dipilih sebagai tempat kajian adalah kerana terdapat hanya sebuah rumah tradisi Orang Asli sahaja dikawasan tersebut, manakala rumah tradisi lainnya telah mengalami perubahan mengikut era modenisasi kini.

Batasan kajian yang dilakukan adalah berdasarkan objektif kajian, iaitu mengenalpasti bahan utama dalam pembinaan struktur rumah Orang Asli di kampung Ayer Molek Pahang, mengkaji pengaruh rekabentuk rumah Orang Asli di kampung Ayer Molek Ibam Pahang dan mengkaji faktor menyebabkan orang asli meninggalkan rumah tradisional di Kampung Ayer Molek Ibam, Pahang. Di samping itu, pengkaji juga membuat rujukan di perpustakaan serta kajian lepas bagi membantu dalam menghasilkan penyelidikan.

Bagi dapatan kajian pula, pengkaji telah menggunakan kaedah kualitatif iaitu temu bual dan pemerhatian. bagi mengetahui pemahaman terhadap sikap, tingkah laku, kepercayaan dan interaksi antara manusia. Hal ini adalah bertujuan untuk mendapatkan maklumat agar menyokong perlaksanaan kajian. Pihak yang terlibat di dalam kajian ini adalah Tok Batin dan juga penduduk di kampung Ayer Molek Ibam, Pahang. Tempoh perlaksanaan kajian ini adalah dilaksanakan selama 3 bulan iaitu sepanjang cuti semester berlangsung.

1.6 KEPENTINGAN KAJIAN

Setiap kajian yang dijalankan mempunyai matlamat dan sesuatu yang hendak dicapai berdasarkan kepada objektif yang telah ditetapkan. Kajian ini dijalankan atas dasar untuk mengenal pasti tahap pengetahuan masyarakat mengenai keunikan rekabentuk rumah rumah Orang asli Di kampung Ayer Molek, Pahang. Terdapat beberapa kepentingan kepada individu dan masyarakat.

1.6.1 Individu

Kepentingan Kepada Individu dapat dilihat melalui kajian ini adalah individu dapat menambah ilmu pengetahuan berkaitan pembinaan rumah Orang Asli. Hal ini sama ada dari segi bahan serta fungsi sesuatu pembinaan. Kebanyakkannya, individu tidak mengenali rumah tradisional atau rumah adat Orang asli ini. Hal ini kerana, mereka beranggapan bahawa rumah ini masih tidak disebar secara meluas khususnya kepada individu yang kurang berminat untuk mengetahui dengan lebih mendalam mengenai pembinaan rumah Orang Asli ini.

1.6.2 Masyarakat

Selain itu, kepentingan kepada masyarakat pula adalah untuk memberi pendedahan kepada masyarakat mengenai Rumah Orang Asli. Kajian ini dijalankan oleh pengkaji bertujuan untuk meningkatkan minat serta pengetahuan kepada masyarakat khususnya kepada generasi muda kini mengenai reka bentuk rumah Orang Asli yang unik. Masyarakat kini kurang terdedah dengan pembinaan rumah yang

berkonsepkan buluh dan daun bertam atau nipah. Mereka juga memerlukan teknik dalam pembinaan rumah tersebut. Oleh itu, kajian ini amat penting bagi memelihara rumah tradisi Orang Asli Di kampung Ayer Molek, Pahang supaya masyarakat mengetahui kewujudan rumah tersebut.

Akhir sekali, pengkaji berharap kajian ini dapat memberi pengetahuan kepada para pelajar. Hal ini dikatakan demikian kerana, hasil daripada kajian yang telah dijalankan dapat memberi kesan kepada seseorang untuk mengambil tahu dengan lebih mendalam mengenai rekabentuk rumah orang asli. Hal ini dikatakan demikian kerana, pembinaan rumah orang asli tidak banyak dan tidak diketahui disebabkan pembinaan rumah di Kawasan pedalaman. Oleh itu, kajian ini dijalankan adalah untuk memperkenalkan kepada individu serta masyarakat mengenai kewujudan rumah orang asli ini.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB 2

2.0 PENGENALAN

Bab ini menerangkan mengenai sorotan kajian lepas yang sangat penting dalam sesebuah kajian. Kajian literatur atau kajian lepas ini akan dijadikan sebagai idea, rujukan serta panduan kepada pengkaji. Menurut Fink (1998) menyatakan bahawa sorotan kajian lepas ini merupakan salah satu penelitian yang sistematik yang jelas bagi mengenali, menilai serta mentafsir hasil penulisan oleh penyelidik. Ia juga berkaitan dengan permasalahan yang akan dikaji.

2.1 SOROTAN KAJIAN

Sorotan kajian merujuk kepada pemerhatian khusus terhadap sesuatu kajian atau penyelidikan. Semasa menjalankan kajian, terdapat beberapa persoalan yang perlu dijawab oleh responden. Ia membantu pengkaji untuk mengumpul data yang tepat berdasarkan objektif yang dicadangkan. Selain itu, sorotan kajian ini juga merangkumi skop penyelidikan, populasi yang dikaji dan kaedah yang digunakan. Kajian ini adalah berkaitan dengan kajian lepas sama ada daripada jurnal, artikel atau sebagainya yang boleh dijadikan sebagai sumber rujukan.

2.1.1 Reka Bentuk

Reka bentuk merupakan seni bina mengikut kreativiti seseorang dalam pembinaanya. Reka bentuk mempunyai erti kata lain iaitu proses dalam membuat atau mencipta objek baru. Reka bentuk ini juga mementingkan aspek fungsi, estetika dan lain-lain. Seterusnya, kajian lepas yang dibuat oleh Khairul Anwar Abdul Ghani yang mengkaji Penerapan Elemen Berpanggung Kepada Reka Bentuk Rumah Teres di Malaysia Untuk mencapai Keselesaan Terma melalui Pengudaraan Semula Jadi. Dalam artikal ini menerangkan penggunaan elemen atau bahan dalam pembinaan rumah teres. Hal ini bertujuan untuk memberi keselesaan kepada penduduk. Di samping itu, seni bina rumah tradisional ini mempunyai nilai yang tinggi dari segi keunikannya yang tersendiri. Terdapat beberapa aspek dalam menekankan reka bentuk rumah antaranya ialah penggunaan bahan daripada alam semula jadi. Sebagai contoh bentuk atap

menggunakan daun cucuh, nipah dan sebagainya mempunyai fungsinya tersendiri. Selain itu, ruang dalaman rumah orang asli juga mempengaruhi penghuni yang tinggal di dalamnya. Hal ini dikatakan demikian kerana, setiap reka bentuk rumah ini perlu diambil kira bagi keselesaan pengguna. Oleh itu, pernyataan ini merupakan salah satu rujukan kepada pengkaji untuk membuat kajian penyelidikan bertajuk reka bentuk rumah Orang Asli di kampung Ayer Molek, Pahang. Dari segi penggunaan bahan-bahan semula jadi seperti buluh dan beratapkan daun nipah. Setiap kegunaan bahan dalam pembinaan rumah tersebut mempunyai fungsinya tersendiri.

2.1.2 Definisi Orang Asli

Maksud Orang Asli mengikut kamus Dewan adalah merujuk kepada golongan atau masyarakat pribumi yang mendiami sesuatu kawasan atau negara tertentu sejak zaman dahulu sebelum kedatangan pendatang dari luar. Istilah ini sering digunakan di Malaysia untuk merujuk kepada suku kaum asli jakun di semenanjung. Orang asli jakun mempunyai sejarah dan budaya yang kaya serta hubungan yang kuat dengan tanah nenek moyang mereka. Di samping itu, mereka juga mempunyai kepercayaan, Bahasa dan tradisi mereka tersendiri. Budaya orang asli ini merangkumi Bahasa, adat, seni, tarian, ritual dan lain-lain. Budaya ini penting untuk dikaji adalah kerana mereka adalah sebahagian daripada integral dari keagamaan budaya kita. Melalui pemeliharaan budaya mereka, kita dapat membantu dan memastikan warisan mereka tetap diingati dan tetap hidup bagi masa hadapan. Selain itu, penting untuk menumbuhkan pemahaman yang lebih baik mengenai perspektif dan pengalaman mereka. Sebagai sebuah kumpulan orang asli, mereka sering menghadapi cabaran dalam mengekalkan identiti dan kehidupan tradisional mereka di tengah pembangunan yang semakin pesat dan moden ini. Huzaimah Ismail (2005) mengkaji masyarakat orang asli dan pembangunan insaniah yang mengandungi sejarah penempatan orang asli. Masyarakat Orang Asli ini merupakan penduduk yang terawal dalam menduduki Semenanjung Tanah Melayu. Beliau juga menyatakan bahawa orang asli ini tinggal di Kawasan pedalaman. Menurut beliau juga, terdapat beberapa kumpulan orang asli yang berhijrah ke Semenanjung dan menetap di situ. Oleh itu, dari kajian lepas ini, saya boleh menjadikan ianya sebagai rujukan bagi penyelidikan ini.

2.1.3 Rumah Tradisi

Rumah tradisi merupakan rumah yang masih mengekalkan ciri-ciri dan bentuk masyarakat terdahulu. Kebanyakkannya rumah tradisi ini diperbuat daripada bahan kayu. Di Malaysia, terdapat beberapa rumah tradisi yang masih dikekalkan sehingga hari ini, salah satunya adalah rumah tradisi orang asli. Rumah orang asli ini memiliki keunikkannya tersendiri. Sebagai contoh, rumah ini sepenuhnya diperbuat daripada bahan semulajadi seperti kayu, buluh, daun dan sebagainya. Setiap jenis penggunaan bahan juga dititikberatkan bagi mengukuhkan lagi seni bina rumah orang asli tersebut. Menurut Noor Ismail (2014) kajian yang telah dijalankan adalah reka bentuk dan evolusi yang berlaku di Negeri Sembilan. Ia berkaitan dengan reka bentuk rumah tradisional. Reka bentuk yang dikaji menggabungkan reka bentuk rumah Minangkabau dan juga bumbung panjang. Dengan itu, ia menjadikan satu identiti bangunan rumah tradisional melayu yang bertempat di Negeri Sembilan. Hal ini dikatakan demikian kerana, reka bentuk tradisional Minangkabau dibuat daripada bahan-bahan semula jadi seperti kayu. Oleh itu, Menerusi kajian tersebut, ia dapat membantu pengkaji untuk mengenalpasti bahan-bahan yang digunakan dalam pembinaan rumah orang asli ini. disamping itu, mengikut kajian ini juga dapat mengetengahkan identiti rumah sesebuah kaum. Sebagai contoh, rumah tradisi orang asli yang dikenali dengan reka bentuk yang unik dan estetik.

2.2 Kerangka Teori

Kerangka teori merujuk kepada struktur konsep yang digunakan bagi memahami dan mengkaji sesuatu penyelidikan. Konsep dan teori yang digunakan adalah untuk menerangkan hubungan antara pembolehubah serta faktor yang berkaitan dengan kajian. Teori berkaitan dengan rekabentuk rumah iaitu teori kesenian. Dengan itu, ia membantu pengkaji dalam menjalankan kajian ini.

2.2.1 Teori Kesenian

Teori memainkan peranan penting dalam sesebuah penulisan sesuatu ilmiah. Hal ini dikatakan demikian kerana, teori merupakan sesuatu kenyataan yang membuktikan melalui sokongan hipotesis, Sabitha Marican (2005). Teori kesenian ini merujuk kepada kajian serta pemahaman mengenai konsep, nilai estetik, pengaruh budaya, serta struktur. Teori ini juga membantu dalam memahami bagaimana seni itu diterima dan dinikmati oleh masyarakat. Ia melibatkan aspek seperti bentuk seni, teknik kreativiti, pengalaman dan lain-lain. Dengan itu, teori ini bersesuaian untuk dijadikan rujukan dalam kajian ini. Hal ini kerana, ia melibatkan daya kreativiti masyarakat Orang Asli dalam pembinaan rumah tersebut. Pengkaji telah menggunakan teori kesenian bagi penulisan ini. Teori ini diguna disebabkan terdapat hubung kait kajian yang pengkaji buat di kampung Ayer Molek, Pahang iaitu berkenaan dengan seni bina. Oleh itu, teori ini boleh digunakan dalam pembinaan rumah orang asli yang mempunyai keunikannya tersendiri.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB 3

3.0 PENGENALAN

Dalam bab ini pengkaji menerangkan dengan lebih jelas perkara yang berkaitan dengan metodologi kajian secara lebih lanjut. Metodologi kajian ini merupakan kaedah kajian dan juga cara untuk mencari serta mengumpul data. Hal ini supaya pengkaji mempunyai bukti yang jelas dan kukuh bagi menyokong sesuatu kajian yang telah dijalankan. Menurut ‘Homby’ (1985), yang menerangkan bahawa metodologi adalah satu set kaedah yang digunakan dalam menjalankan kajian ke atas subjek kajian yang tertentu. Metodologi kajian ini menerangkan beberapa cara dalam menyelesaikan sesuatu masalah yang dikaji dan menyatakan kaedah serta teknik yang digunakan. Tujuan utama kaedah metodologi ini adalah untuk membantu serta memahami sesuatu kajian dengan lebih mendalam mengenai cara membuat huraian tentang proses kajian yang dilakukan. Oleh iu, pengkaji telah membincangkan dengan lebih terperinci mengenai reka bentuk kajian, kaedah, penyelidikan serta kaedah analisis data yang digunakan dalam kajian ini.

3.1 Pendekatan Kajian

Pendekatan kajian ini digunakan untuk membantu mengenalpasti perspektif, teori atau model yang digunakan dalam sesuatu kajian. Ia juga mempengaruhi cara pengkaji mengumpul dan menganalisis data. Terdapat beberapa pendekatan yang digunakan bagi membantu pengkaji mendapatkan maklumat dengan lebih jelas dan padat. Hal ini supaya dapat menjawab setiap persoalan kajian. Oleh itu, pendekatan yang digunakan adalah kajian kes. Ia bertujuan untuk memperolehi lebih banyak maklumat serta data yang penting bagi pengkaji sewaktu menjalankan kajian ini untuk menyiapkan laporan ini. Pendekatan ini melibatkan lokasi sesuatu kajian yang dilakukan iaitu di perkampungan Ayer Molek Ibam, Pahang. Oleh itu, ia membantu pengkaji untuk mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan rekabentuk rumah tradisional orang asli dimana pengkaji akan menanyakan Tok Batin dan penduduk kampung mengenai bahan-bahan yang digunakan dalam pembinaan rumah serta ciri-ciri reka bentuk rumah tersebut. Selain itu, pengkaji juga menanyakan faktor-faktor yang menyebabkan masyarakat asli I I meninggalkan rumah tradisi mereka di Kampung Ayer Molek Ibam, Pahang.

3.2 Reka Bentuk Kajian

Rekabentuk kajian adalah satu kaedah yang digunakan untuk mengumpul dan mendapatkan data berkaitan dengan kajian yang dijalankan. Reka bentuk kajian merupakan satu cara pengolahan data yang diambil dalam merancang sesuatu bagi membentuk rangkaian dalam sesuatu kajian yang dijalankan (Kerlinger 1970).

Secara umumnya, terdapat dua jenis data iaitu data kualitatif dan kuantitatif. Kualitatif merupakan pengumpulan data dalam bentuk perkataan, imej atau bunyi bagi memahami konsep sosial dan pemahaman yang lebih mendalam mengenai isu yang dikaji. Kaedah ini termasuklah temu bual, pemerhatian dan analisis kandungan. Manakala, bagi kaedah kuantitatif pula ia melibatkan pengumpulan data dalam bentuk rangka dan menggunakan analisis statistik bagi menjawab persoalan kajian. Antara contoh metodologi ini adalah eksperimen, ulasan atau analisis data.

Kaedah rekabentuk ini bertujuan untuk menentukan kaedah yang perlu ada dalam proses penyelidikan yang telah dibuat bagi memastikan data yang diambil dapat menyelesaikan masalah dalam kajian ini. Selain itu, berdasarkan rekabentuk yang menggunakan kaedah sumber primer dan sekunder sebagai rujukan berkaitan dengan tajuk bagi memudahkan untuk menganalisis data.

Bagi kajian ini, pengkaji telah menggunakan kaedah kualitatif iaitu temubual serta pemerhatian bagi mendapatkan bahan dan bukti yang diperlukan bagi menyokong isu dalam menjalankan kajian ini. Manakala bagi sumber sekunder pengkaji menggunakan rujukan daripada internet dan perpustakaan.

3.3 Kaedah Kajian

3.3.1 Kaedah Kualitatif


Mengikut pernyataan Lexy (2007) pendekatan kualitatif merupakan proses penyelidikan bagi menghasilkan data. Dengan itu, pengkaji menggunakan kaedah ini bagi memperolehi data dengan tepat. Melalui kaedah ini, pengkaji akan ke

tempat lokasi iaitu kampung Ayer Molek di Pahang untuk menyoal secara meluas. Menurut Denzin (2001) temu bual merupakan salah satu kaedah yang digunakan bagi mengumpul data atau maklumat yang bersifat reflektif. Dengan itu, pengkaji dapat berinteraksi antara responden secara langsung. Kaedah temubual ini dilakukan terhadap responden yang akan memberi maklumat di Kawasan kajian yang lebih terperinci. Pengkaji telah memilih kardah kajian temubual adalah temu bual tidak berstruktur dimana pengkaji telah menyiapkan beberapa soalan untuk diajukan kepada responden. Ia tidak menggunakan format yang tetap, oleh itu pengkaji bebas menanyakan soalan dan juga dapat mengubah urutan atau melangkau beberapa soalan yang telah dirancang. Pendekatan tidak formal ini melibatkan perbincangan mesra berlangsung antara penemuduga dan informan.

Pengkaji telah memilih responden pertama iaitu informan yang dipilih bagi menjawab persoalan yang merupakan Tok Batin dan penduduk kampung Ayer Moleh Ibam, Pahang.

Kaedah	Instrument kajian
Kaedah kualitatif	Temubual dan pemerhatian

Jadual 1: Menunjukkan Kaedah Intrumen Kajian



Rajah 2: Carta Alir Reka Bentuk Kajian

3.4 Teknik Pengumpulan Data

Teknik pengumpulan data mempunyai empat kaedah iaitu antara kaedah yang biasa digunakan adalah kaedah temubual, kaedah pemerhatian serta soal selidik. Menurut Mohd Majid Konting (1998) menyatakan bahawa kaedah ini adalah salah satu cara pengumpulan data yang berkesan mengikut matlamat kajian. Dengan itu, pengkaji akan menentukan matlamat terlebih dahulu sebelum kaedah penyelidikan ini dilakukan. Terdapat pelbagai kaedah pengumpulan data, antaranya ialah melalui data primer dan data sekunder.

3.4.1 Data Primer

Mengikut pernyataan Yusof (2003) data primer merupakan data yang diperolehi melalui dari sumber asli yang dikumpul bagi menjawab persoalan kajian. Data-data yang telah dikumpul oleh pengkaji melalui beberapa proses eksperimental atau kajian lapangan seperti temu bual, pemerhatian dan sebagainya. Data ini boleh dikumpul melalui individual atau kumpulan fokus. Hal ini bertujuan untuk mendapatkan data secara terperinci berkaitan dengan rekabentuk rumah Orang Asli di kampung Ayer Molek, Pahang.

Selain itu, pengumpulan data primer terbahagi kepada dua kaedah iaitu temu ramah secara langsung dan temu ramah secara tidak langsung. Kaedah temu ramah ini dilakukan secara langsung dengan informan. Pengkaji akan menyediakan beberapa tema soalan berkaitan tajuk kajian untuk diajukan kepada responden. Manakala, bagi temu ramah tidak langsung adalah secara atas talian.

a. Kaedah Temubual

Kaedah ini digunakan bagi mendapatkan maklumat daripada responden berkenaan dengan permasalahan yang telah dibincangkan. Hal ini bertujuan supaya pengkaji mendapat data yang tepat dan jelas berkaitan dengan rekabentuk rumah Orang asli yang berada di kampung Ayer Molek, Pahang. Pengkaji akan menemu bual penduduk kampung di sekitar Kawasan tersebut dan merekod segala perbualan

responden. Hal ini adalah langkah bagi mengelakkan maklumat tercicir dan salah tafsir semasa temubual dijalankan.

Pengkaji akan menemu bual responden secara langsung dimana pengkaji akan pergi ke lapangan untuk menemu bual penduduk di kawasan tersebut. dengan itu, pengkaji dapat melihat sendiri reaksi informan semasa menjawab. Kaedah ini lebih jelas dan tepat untuk mendapatkan jawapan sendiri dari informan. Cabaran dalam mendapatkan maklumat daripada iforman adalah dari segi pertuturan. Hal ini dikatakan demikian kerana, masyarakat suku kaum jakun mempunyai bahasa yang sukar difahami dengan jelas. Oleh itu, pengkaji telah telah menemu bual secara spontan supaya mereka memahami setiap soalan yang diajukan semasa temu bual berlangsung.

b. Kaedah Pemerhatian

Pemerhatian merupakan salah satu kaedah penyelidikan yang diguna bagi mendapatkan pemboleh ubah. Ia juga merupakan alternatif yang terdapat dalam mengumpul data atau maklumat daripada sesi temuduga. Menurut Flanders (1974) pemehatian merupakan satu contoh kaedah untuk merekod maklumat yang dilakukan bagi mendapat maklumat yang tepat dan mudah. Justeru, kaedah ini dilaksanakan di kampung Ayer Molek Ibam, Pahang. Melalui kaedah ini, pengkaji telah menggunakan kaedah kajian lapangan. Hal ini kerana, pengkaji akan pergi sendiri ke tempat yang dikaji iaitu Kampung ayer Molek di Pahang bagi meninjau dan memerhati rekabentuk rumah Orang Asli tersebut. Melalui kaedah ini juga membantu pengkaji untuk memahami situasi yang digambarkan oleh responden.

3.4.2 Data Sekunder

Marican (2005) menyatakan bahawa data sekunder ini adalah data yang dikumpul oleh yang lain. Sebagai contoh, data bagi pengkaji terdahulu mengenai kajian lepas dibuat sebagai sumber rujukan bagi melaksanakan tugasannya. ia digunakan untuk menjawab persoalan dalam kajian ini. Bahan dan maklumat dikumpulkan untuk membuat satu formula baru bagi menyelesaikan sesuatu masalah yang berlaku pada

masa kini. Data ini terdiri daripada bahan perpustakaan, kajian lepas serta kaedah rujukan internet dan tesis.

a. Kaedah Rujukan Internet

Kaedah ini merupakan rujukan terpenting dalam mendapatkan maklumat berkaitan dengan tajuk kajian yang dijalankan iaitu rekabentuk rumah Orang Asli di kampung Ayer Molek Pahang. Pengkaji akan menggunakan kaedah ini bagi menambah maklumat dalam penyelidikan. Dengan itu, pengkaji telah menggunakan *google scholar* dan *google search* sebagai rujukan bagi kajian lepas.

b. Kaedah Perpustakaan

Kaedah perpustakaan juga digunakan untuk mendapatkan maklumat tambahan berkaitan dengan kajian. Kaedah ini sering juga digunakan bagi mengaplikasi maklumat yang terdapat dalam jurnal, artikel dan sebagainya bagi tujuan penyelidikan. Di samping itu, kajian ini adalah berkaitan dengan rekabentuk rumah Orang Asli di kampung Ayer Molek, Pahang.

c. Tesis

Tesis merupakan salah sumber yang digunakan sebagai rujukan kepada pengkaji untuk mendapatkan maklumat bagi membuat kajian ini. terdapat beberapa penulisan daripada penyelidik yang lepas. Dengan itu ia membantu pengkaji dalam mengumpul data yang berilmiah. Tesis yang menjadi rujukan kepada pengkaji terdiri daripada penulisan Degree, Master dan Phd.

3.5 Pensampelan Data

Persampelan data ditakrifkan sebagai pemilihan sesuatu kumpulan sama ada individu, institusi ataupun tempat. Ia bertujuan untuk memperolehi maklumat mengenai populasi. Menurut Azizi.al (2007), yang menyatakan bahawa terdapat beberapa proses dan Teknik yang diguna bagi mendapatkan sampel yang tepat. Terdapat dua jenis pensampelan data iaitu kebarangkalian dan tidak kebarangkalian. Dalam kajian ini, pengkaji akan menggunakan pensampelan *snowball* atau dikenali sebagai bebola salji bagi kaedah kualitatif. Teknik seperti bebola salji ini yang digelek ke atas salji sehingga menjadi besar (*snowball*). Pengkaji akan menggunakan kaedah ini bagi menemu bual informan-informan untuk mendapatkan data dan maklumat yang lengkap berkenaan dengan rekabentuk rumah tradisi orang asli di Kampung Ayer Molek Ibam, Pahang.

Pengkaji akan menemu bual Tok Batin sebagai infoman A untuk mendapatkan data yang diperlukan dan informan A akan menyarankan informan B serta informan B akan menyarankan Informan C dan seterusnya sehingga pengkaji mendapat data yang cukup dan tepat bagi menjawab objektif kajian. Oleh itu, pensampelan data yang dinyatakan adalah bersesuaian dengan kajian yang dijalankan bagi mendapatkan maklumat daripada responden.


3.6 Kaedah Analisis Data

Krishna Rungta, (2020) mengatakan bahawa analisis data ini bertujuan untuk mengambil maklumat daripada data yang telah dikumpul melalui kaedah temu bual serta membuat keputusan berdasarkan data tersebut. Data yang diperolehi sepanjang penyelidikan akan menggunakan kaedah kualitatif, iaitu dengan menganalisis data yang dikumpul menggunakan kaedah analisis (analisis tematik) dan kualitatif. Data yang diperoleh adalah dengan merakam suara semasa menjalankan kaedah temubual serta video rakaman sepanjang penyelidikan. Selain itu, data yang diperolehi akan direkod secara bertulis sama ada sebelum dan selepas pemerhatian dijalankan di lapangan. Hal ini bertujuan supaya pengkaji mendapat jawapan berdasarkan persoalan yang akan diajukan kepada responden.

Oleh itu, hasil daripada dapatan data ini, pengkaji akan menukar rakaman audio kepada penulisan teks.

3.6.1 Analisis Tematik

Dalam analisis ini pengkaji perlu memahami, membaca transkrip data serta mendengar temubual yang dikumpul untuk mngenalpasti pola bagi mendapatkan tema. Rakaman temubual merupakan proses analisis data yang sangat penting dimana pengkaji akan memperolehi maklumat melalui percakapan semasa sesi temubual berlangsung. Secara ringkasnya, analisis tematik ini bertujuan untuk pengkaji memahami data yang dikumpul. Menurut Arnold (2006) analisis tematik adalah kaedah untuk menganalisis serta mendapatkan pola-pola atau tema sesuatu data. Oleh itu, kaedah ini menggambarkan data secara terperinci supaya dapat mentafsir pelbagai aspek topik penyelidikan. Oleh itu, tema soalan yang dibuat oleh pengkaji disusun berdasarkan objektif kajian berkenaan dengan rekabentuk rumah tradisi orang asli di Kampung Ayer Molek Ibam, Pahang.



Rajah 3: Analisis Tematik

Sumber: Braun&Clarke (2006)

Berdasarkan rajah di atas, Braun & Clarke (2006) telah menggunakan analisis tematik yang menyatakan bahawa frasa pertama untuk analisis data adalah mengumpul data kajian. Hal ini kerana, pengkaji perlu mentranskripsi data, membaca semula data dan mencatat idea awal bagi memudahkan pembacaan. Seterusnya, bagi proses kedua pula adalah menghasilkan kod awal dimana perlu mengekodkan ciri menarik data secara sistematik dengan mengumpul data berkaitan dengan setiap kod. Manakala bagi proses ketiga ialah mencari tema-tema iaitu mengumpul kod yang berpotensi bagi setiap tema yang berkaitan dengan setiap satu tema. Selain itu, bagi proses keempat ialah mengkaji tema. Pengkaji akan menyemak sama ada tema berfungsi berkaitan dengan ekstrak dan keseluruhan data. Proses kelima, mentakrif tema atau menamakan tema iaitu analisis bagi mendapatkan tema yang spesifik setiap tema berkaitan tajuk kajian serta keseluruhan analisis dengan menjana maksud atau definisi, nama yang jelas setiap tema. Akhir sekali, proses keenam ialah membuat laporan. Setelah memilih ekstrak yang jelas iaitu dengan mengaitkan semula analisis dengan soalan kajian dan kemudian menghasilkan laporan ilmiah.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB 4

4.0 Pengenalan

Dalam bab ini, pengkaji akan membincangkan mengenai hasil dapatan kajian yang telah diperolehi semasa menjalankan proses pengumpulan data terhadap responden yang dipilih. Maklumat yang dimiliki adalah data yang diambil daripada proses temu ramah Bersama penduduk di Kampung Ayer Molek Ibam Muadzam Shah Pahang. Dapatan kajian ini mengandungi maklumat dan data yang tepat berkaitan dengan reka bentuk rumah orang asli di Kampung Ayer Molek Ibam Pahang. Terdapat 4 responden yang telah ditemu bual yang merupakan penduduk di Kawasan tersebut. Responden A merupakan Tok Batin manakala 3 responden lagi merupakan penduduk di Kampung Ayer Molek Ibam, Pahang.

Kaedah temu bual yang dijalankan ini dapat memberi kelebihan kepada pengkaji untuk mendapatkan maklumat dengan lebih mendalam mengenai rekabentuk rumah Orang Asli di Kampung ayer Molek Ibam, Pahang.

4.1 Mengenalpasti bahan dalam pembinaan struktur rumah Orang Asli di kampung Ayer Molek, Pahang.

4.1.1 Bahan utama yang digunakan dalam pembuatan rumah orang asli di Kampung Ayer Molek, Pahang.

Dalam konteks pembinaan rumah orang asli ini memerlukan bahan-bahan yang bersesuai dengan pembinaanya. Terdapat juga proses-proses yang dijalankan untuk mendapatkan hasil yang baik. Oleh itu, dalam sesi temu bual ini, pengkaji telah bertanyakan kepada para responden mengenai bahan-bahan yang digunakan dalam pembinaan rumah tersebut. Berikut adalah penerangan yang diberikan oleh informan

“..... Oh yelah itu memang kayu hutan la, itu jelah tiang tiang dia tapi saya tak tahu lah kayu apa haa. Yang ini dinding dari mengkuang, atap dari daun Serdang. Sama jelah kayu atap dengan yang bawah tu. Untuk atap atas dia tu letak zink sikit lah.”

(Informan A, 22 Januari 2024, kajian lapangan)

“.....takk kalau ini atap daun sama serdang, dinding dari buluh. Dia berbeza lain lain haa.”


(Informan B, 22 Januari 2024, kajian lapangan)

“.....rumah sini semua berbeza, macam rumah ini atap dia sama tapi dinding dia dari buluh, yang ini kayu, kalau depan itu dinding dari daun mengkuang, banyak lah dia ada nak jahit lagi nak jemur bagi kering baru pasang. Dalam 2 3 bulan juga untuk siapkan rumah ni, takda upah-upah orang sendiri ja.”

(Informan C, 22 Januari 2024, kajian lapangan)

Dengan ini jelaslah bahawa, bahan utama dalam pembinaan rumah tradisi ini adalah kayu, daun mengkuang, daun Serdang dan juga bahan asas seperti paku, tali dan sebagainya. Menurut informan A, setiap rumah berbeza bahan yang digunakan dalam pembinaannya. Bagi atap beliau telah menggunakan daun serdang yang telah dikeringkan. Setelah itu, ia dipasang mengikut konsep dan tema bagi pemiliknya, sebagai contoh, pemasangan struktur dengan lebih teliti dan mengikut citarasa sesuai dengan fungsinya. Selain itu, dinding juga diperbuat daripada daun mengkuang mengelilingi rumah tersebut. selain itu menurut informan C pula, beliau mengatakan dalam pembinaan rumah ini terdapat proses-proses yang perlu dilakukan sebelum mendirikan rumah tersebut. sebagai contoh, dari segi penyediaan bahan yang memerlukan masa untuk mendapatkan kualiti yang diingini. Antara proses yang dilakukan adalah dengan pemilihan kayu balak yang berkualiti kemudian dipotong mengikut kesesuaian bagi mendirikan tiang rumah tersebut. Manakala bagi dinding pula, beliau menggunakan daun mengkuang yang diambil di hutan. Setelah itu daun akan dipotong bagi membuang duri pada daun tersebut kemudian melayur pada

api. Hal ini bertujuan supaya daun lembut dan lebih tahan lama. Setelah dilayur, daun tersebut akan direndam bagi meluntukan warna asalnya dan dijemur sehingga kering. Menurut responden D ia mengambil masa dalam 2 atau 3 hari dalam penyediaan bahan bahan ini sebelum dipasang pada rumah tersebut.



Rajah 4: Rumah Tradisi Orang Asli Kampung Ayer Molek,
Pahang

Sumber: kajian Lapangan 2024

4.1.2 Cara mendapatkan bahan dalam pembinaan rumah Tradisi Orang Asli ini.

Bagi mendapatkan bahan dalam pembuatan rumah tradisional ini bukannya mudah dan memerlukan beberapa elemen yang perlu dititikberatkan bagi menghasilkan rumah yang kukuh dan tahan lama. Oleh itu, dalam pembinaan rumah ini alam semula jadi menjadi pilihan Responden sebagai bahan dalam pembinaan struktur rumah.

“.....ha pergi hutan lah, ambik daripada hutan sana bawak sini, ambik masa sikit dalam satu bulan lebih. Begitulah satu bulan dua bulan nak siapkan. ini pun kadang-kadang kena jahit lagi dulu daun itu.”

(Informan A, 22 Januari 2024, kajian lapangan)

Melalui temu bual bersama informan, jelaslah bahawa rumah tradisi orang asli ini menggunakan bahan dari alam semulajadi. Menurut informan A bahan-bahan ini diambil di hutan-hutan berdekatan dengan rumah beliau. Dengan itu, beliau terpaksa masuk ke hutan dan mencari kayu-kayu serta daun yang bersesuaian sebelum diproses. Dalam mencari kesemua bahan lengkap mengambil masa dalam beberapa hari. Menurutnya lagi, beliau mengambil sedikit demi sedikit kerana tiada kenderaan yang lebih besar. Beliau hanya menggunakan motor untuk mengangkat bahan kayu tersebut dari hutan ke tempat beliau. Selain itu, menurut informan C, beliau mengatakan bahawa dalam pembinaan rumah ini memerlukan proses-proses awal sehingga akhir yang perlu diikuti bagi mendapatkan rumah yang diingini.

4.1.3 Kos dalam mendapatkan bahan binaan rumah Orang asli di Kampung Ayer Molek

“.....untuk bajet nak, tidak berapa banyak juga lah, sebab kita pun buat sendiri tiada keluar wang, kita buat sendiri. Mungkin adalah dalam RM 200 ringgit


untuk bahagian paku itu ajalah, yang lain tiada semua sendiri buat. Bajet saya nak siapkan ini dalam dua bulan lebih siap begitulah.”

(Informan A, 22 Januari 2024, kajian lapangan)

Menurut informan A semasa sesi temu bual, beliau mengatakan bahawa, dalam mendapatkan bahan-bahan pembinaan ini tidak mengeluarkan wang yang terlalu banyak. Hal ini kerana, bahan utama hanya diambil di hutan-hutan berdekatan dengan kediaman mereka. Beliau juga mengatakan bahawa anggaran hanya RM200 sahaja dalam menyiapkan sebuah rumah. Terdapat juga bahan lain yang dibeli antaranya ialah paku, tali, zink, dan lain-lain. Selain itu, minyak motor bagi mengangkut kayu juga diambil dalam kos menyiapkan rumah tradisi Orang Asli ini.

4.2 Mengkaji ciri-ciri reka bentuk rumah Orang Asli di Kampung Ayer Molek, Pahang.

4.2.1 Fungsi ruang dalam pembinaan rumah tradisional ini.



Rajah 4: Pelan Pandangan Hadapan

Fungsi ruang memainkan peranan penting dalam setiap pembinaan rumah. Hal ini bertujuan untuk memberi keselesaan kepada pengguna. Berdasarkan kajian etnografi ini yang telah dijalankan di Kampung Ayer Molek Ibam Pahang, rumah ini terbahagi kepada 3 ruang iaitu ruang tamu, ruang bilik dan juga ruang dapur. Reka bentuk rumah ini tidak terlalu besar saiznya. (Rajah 4) menunjukkan pelan rumah tradisi orang asli di Kampung ayer Molek Ibam Pahang. Terdapat 3 ruang iaitu ruang bilik di sebelah kiri manakala ruang dapur di bahagian belakang. Selain itu, rumah ini tidak mempunyai tingkap di keliling. Terdapat 2 pintu iaitu di hadapan dan juga bahagian sisi sebelah kanan. Ia bertujuan untuk memudahkan peredaran udara masuk. Kedua-dua pintu tersebut diletakkan zink supaya menghalang binatang buas daripada masuk.

Selain itu, rumah tradisi ini juga mengasingkan tandas dimana tandas tidak bersambung dengan rumah tersebut. rumah ini juga mempunyai tiang yang tinggi. Ia bertujuan untuk mengelakkan faktor alam iaitu banjir dan juga serangan binatang buas.

“.....takdalah sebab saya buat sana ruang dapur dekat belakang Panjang, belah kiri ada bilik 1, depan tu ruang tamu. Besar kecil tak sama ikut sendiri lah saya buat kadang-kadang melintang sana, kadang-kadang melunjur sana. Haa macam tu.”

(Informan B, 22 Januari 2024, kajian lapangan)

Menurut informan B, reka bentuk rumah ini dibuat hanya mengikut citarasa sendiri. Beliau juga menyatakan bahawa, fungsi ruang itu memudahkan untuk beliau menjalani kehidupan sehari-hari mereka sendiri. Sebagai contoh, ruang bilik dibina untuk beristirehat ketika penat pulang dari bekerja, manakala bagi ruang tamu pula untuk bersantai bersama ahli keluarga. Bagi ruang dapur beliau membuatnya di bahagian belakang bagi memudahkan untuk pengairan dan memasak.

4.2.2 Rumah tradisi Orang Asli ini Terwujud

Kebiasaannya kaum asli merupakan masyarakat yang terawal menetap di semenanjung Malaysia. Dengan itu, terdapat beberapa kawasan yang menjadi tarikan mereka untuk membina penempatan.

“.....dulu sini memang kosong, orang tua dulu lah duduk dekat air besar sana ada jambatan loji sana haa, sebab dulu selalu banjirkan diorang pindah dekat sini. Itu yang buat rumah dekat sini jadilah Kampung Ayer Molek. Dulu tak banyak penempatan lebih kurang 2 3 buah rumah macam tulah. Dulu dekat sana belah kiri sebelah kebun jadi banjir selalu naik diorang cari tempat sini lebih tinggi lah.”

(Informan C, 22 Januari 2024, kajian lapangan)

Melalui temu bual yang dijalankan di Kampung Ayer Molek ini, mengikut sejarah kampung ini hanya Kawasan hutan dan dijadikan tempat kediaman oleh nenek moyang mereka dahulu sehingga ke hari ini. Menurut informan C, beliau telah menetap lebih puluhan tahun di kampung tersebut. Dahulunya, hanya 2 atau 3 buah rumah tradisi ini sahaja tetapi ianya berubah mengikut peredaran zaman dan menjadi sebuah komuniti yang agak besar. Mereka memilih kawasan tersebut disebabkan oleh faktor alam iaitu banjir. Disebabkan kawasan itu lebih tinggi ia menjadi pilihan untuk mereka menetap di kawasan tersebut. Oleh itu, terwujudlah Kampung Ayer Molek ini dan rumah tradisi yang dibina semakin banyak mengikut kuantiti penduduk yang menetap di kawasan tersebut.

4.2.3 Ilham dalam pembinaan rumah tradisional Orang Asli

“.....saya macam ni memandangkan tiada kos untuk beli jadi saya ambil bahan-bahan dari hutan sana, kayu daun semua tu buat sendiri. Itu dari asal usul saya dari zaman atuk nenek sampai sekarang jadi saya tahu lah. Reka bentuk rumah ini pon sendiri-sendiri saja saya buat dapur belah sini, besar macam ini haa semua sendiri lah.”

(Informan B, 22 Januari 2024, kajian lapangan)

Berdasarkan pernyataan di atas, rumah orang asli ini diilhamkan oleh nenek moyang mereka terdahulu. Hal ini dibuktikan dengan pernyataan oleh informan B semasa pengkaji menemu bual, beliau mengatakan bahawa setiap reka bentuk rumah ini tercetus daripada idea mereka sendiri. Namun begitu, setiap reka bentuk berubah dari masa ke semasa mengikut citarasa penggunanya. Terdapat juga tambahan elemen lain seperti zink, papan, batu dan sebagainya. Walau bagaimanapun, rumah tradisi ini masih dikekalkan sehingga kini tanpa menambah elemen moden kini walaupun hanya sebuah sahaja yang masih

tinggal. Hal ini bertujuan untuk mengekalkan tradisi nenek moyang yang telah diwarisi kepada generasi kini.

4.3) Mengkaji faktor menyebabkan orang asli meninggalkan rumah tradisional di Kampung ayer Molek, Pahang.

4.3.1 Pembangunan infrastruktur

Pembangunan infrastruktur yang moden kini menjadi salah satu faktor kepada pemindahan orang asli daripada rumah tradisional mereka. Hal ini dikatakan demikian kerana, pembangunan yang pesat mempengaruhi masyarakat asli untuk pindah daripada rumah tradisi kepada rumah PPRT. Di samping itu, pembangunan rumah PPRT adalah untuk memberi keselesaan kepada masyarakat asli bagi menjalankan aktiviti harian mereka. Sebagai contoh, reka bentuk rumah PPRT lebih selesa dengan adanya kemudahan seperti tandas, kipas, elektrik dan sebagainya. Menurut informan C pihak JAKOA telah melaksanakan projek pembinaan rumah PPRT ini pada 20 september 2016 dan mengambil masa selama 3 bulan untuk menyiapkan rumah tersebut bagi penduduk orang asli di Kawasan Kampung Ayer Molek Ibam, Pahang. Oleh itu beliau mengatakan bahawa penempatan rumah PPRT ini lebih ramai diduduki berbanding dengan rumah tradisi orang asli.

“...Ada, kalau macam rumah kayu ni sejuk selesa tapi sebab sekarang ni semua dah moden kan, macam rumah PPRT ni ada api air tandas lagi mudah untuk saya yang berkeluarga.”

(Informan C, 22 Januari 2024, kajian lapangan)

Berdasar petikan diatas, informan C memaklumkan bahawa faktor yang mneyebabkan ramai masyarakat orang asli meninggal rumah tradisi mereka kerana kurang kemudahan infrastruktur terutama bagi mereka yang berkeluarga

menyukarkan untuk mereka menjalani kehidupan sehari-hari mereka. Oleh itu, pembangunan infrastruktur kini menggalakkan orang asli untuk meninggalkan rumah tradisi mereka untuk hidup dengan lebih selesa.

4.3.2 Perubahan alam sekitar

Faktor lain yang menyebabkan perubahan alam sekitar seperti penebangan hutan, perubahan iklim seperti bencana alam yang tidak dapat memenuhi keperluan hidup. Hal ini dikatakan demikian kerana, disebabkan oleh bencana alam yang dapat menghancurkan atau merosakkan rumah tradisi mereka. Sebagai contoh, kebanyakannya orang asli mendirikan rumah di kawasan hutan dan di kaki bukit. Oleh itu, apabila berlaku tanah runtuhan ia akan menjadikan rumah tradisi orang asli dan mereka terpaksa pindah mencari tempat yang lebih selamat. Selain itu, perubahan iklim seperti peningkatan suhu, hujan yang tidak menentu mempengaruhi kekurangan sumber alam yang penting bagi masyarakat orang asli. Hal ini dikaitkan dengan sumber air, makanan atau bahan bangunan tradisional. Disebabkan keadaan alam yang tidak baik mereka terpaksa meninggalkan Kawasan tersebut.

“.....Ya hahah (ketawa) ini pun susah sebab sini selalu banjir jadi ramai keluar tak duduk sini dah.”

(Informan C, 22 Januari 2024, kajian lapangan)

Menurut informan C, beliau menyatakan bahawa kawasan Kampung Ayer Molek Ibam, Pahang ini merupakan kawasan yang sering dinaiki banjir. Oleh itu, mereka terpaksa pindah dan meninggalkan rumah tradisi mereka.

4.3.3 Faktor peluang pekerjaan

Peluang pekerjaan yang lebih baik selalunya tertumpu di Kawasan bandar atau Kawasan perindustrian. Orang asli yang tinggal di Kawasan luar bandar atau terpencil mungkin merasa terpaksa mencari pekerjaan di bandar atau dalam

sektor perindustrian yang berkembang. Ini mungkin menyebabkan mereka meninggalkan rumah tradisi untuk mencari kehidupan yang lebih baik dari segi ekonomi.

“.....Ada yang keluar untuk kerja di luar sebab sini susah nak cari makan, kalau ada pun tak banyak. Anak-anak jelah keluar ke bandar kerja kilang.”

(Informan C, 22 Januari 2024, kajian lapangan)

Menurut informan C kebanyakkanya anak-anak mereka telah keluar dan meninggalkan rumah tradisi disebabkan oleh faktor peluang pekerjaan. Hal ini dikatakan demikian kerana, kawasan penempatan orang asli jauh dari bandar dan kurang sumber khususnya pendapatan ekonomi mereka. Oleh itu, mereka mengambil keputusan untuk keluar mencari kerja yang mampu menanggung kehidupan sehari-hari. Menurut beliau juga, pekerjaan yang dilakukan dalam sektor perindustrian seperti kilang makanan, kilang plastik dan sebagainya. Di samping itu, perubahan dalam gaya hidup dan pilihan peribadi mendorong mereka untuk mencari pekerjaan di sektor lain yang lebih sesuai dengan minat mereka. Oleh itu, ini mungkin menyebabkan masyarakat orang asli meninggalkan rumah tradisional dan mencari peluang pekerjaan yang lebih moden serta berdasarkan teknologi.

BAB 5

5.0 Pengenalan

Bab ini akan merumus serta membincangkan tentang hasil dapatan kajian yang diperoleh oleh pengkaji bagi menjawab persoalan kajian yang telah ditetapkan. Perbincangan ini akan menyentuh keseluruhan topik yang telah dibangkitkan dalam kajian ini seperti permasalahan kajian dan setiap persoalan yang telah dianjurkan melalui kajian ini. Pengkaji juga telah memberikan beberapa cadangan berkaitan dengan rekabentuk rumah bagi memelihara keunikannya supaya tidak ditelan arus zaman.

Kesimpulan daripada bab satu dalam kajian ini membincangkan mengenai latar belakang kajian, permasalahan kajian, persoalan, objektif, skop kajian dan juga kepentingan kajian ini. Latar belakang pengkaji telah memfokuskan di Kampung Ayer Molek Ibam, Pahang. Permasalahan kajian mendapati bahawa kurangnya kajian khusus berkenaan dengan rekabentuk rumah tradisional Orang Asli. Hal ini disebabkan oleh kebanyakannya pengkaji mengkaji berkaitan dengan sosioekonomi dan juga Pendidikan masyarakat Orang Asli berbanding dengan rekabentuk rumah tradisi Orang Asli. Selain itu, masyarakat muda kini kurang cakna akan pembinaan rumah tradisi ini menyebabkan rumah tersebut tidak dikenali khususnya bagi generasi akan datang. Namun begitu, di Kawasan kajian terdapat hanya sebuah rumah asli tradisional orang asli dikawasan tersebut manakala yang lainnya telah mengalami kemodenan dari segi rekabentuknya serta bahan yang digunakan.

Rumusan dalam bab dua pula membincangkan tentang sorotan kajian iaitu berkaitan dengan kajian-kajian lepas secara umum mengenai rumah Orang Asli. Selain itu, pengkaji juga merujuk kajian-kajian lepas yang telah dijalankan sebelum ini sebagai rujukan bagi menyiapkan tugas yang telah dijalankan. Selain itu, terdapat juga ulasan dan pendapat pengkaji terdahulu berkaitan dengan tajuk rekabentuk rumah Orang Asli daripada rujukan buku-buku serta jurnal. Setiap kajian yang diperolehi oleh pengkaji sedikit membantu dalam menjawab setiap persoalan berhubung dengan rekabentuk rumah tradisi Orang Asli. Kajian ini juga turut menitikberatkan sorortan kajian lepas kerana dapat dijadikan sebagai panduan dan contoh bagi menghasilkan sebuah kajian yang sempurna.

Bagi bab tiga pula menerangkan berkenaan dengan metodologi kajian. Metodologi kajian ini merupakan salah satu kaedah pengumpulan data dan maklumat berkaitan dengan tinjauan yang telah dilakukan. Metodologi kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah kaedah kualitatif iaitu temu bual dan pemerhatian. Pengkaji telah menemu bual responden seramai 4 orang merangkumi tok batin dan juga penduduk Kampung Ayer Molek di Pahang. Hal ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat yang tepat terus daripada responden berkenaan dengan rekabentuk rumah Orang Asli. Selain itu, kaedah pemerhatian juga dilakukan dengan meninjau kawasan lapangan bagi memastikan pengkaji mendapat maklumat yang diingini bersesuaian dengan objektif kajian. Pengkaji juga turut menggunakan rujukan kajian lepas bagi memperolehi maklumat berkaitan dengan tajuk kajian.

Akhir sekali, bab empat ini membincangkan tentang dapatan kajian dan perbincangan dimana setiap persoalan diperolehi hasil daripada temubual bersama responden. Bab ini juga membincangkan mengenai bahan-bahan yang digunakan dalam pembinaan rumah tradisi tersebut, ciri reka bentuk rumah dan juga faktor yang menyebabkan orang asli meninggalkan rumah tradisional di kawasan Kampung Ayer Molek Ibam Pahang. Selain itu, maklumat-maklumat yang diperoleh juga adalah saling berkait rapat dengan maklumat berkaitan dengan reka bentuk rumah orang asli di Pahang. Terdapat 9 soalan yang berbeza mengikut objektif untuk ditemu bual bagi menjawab persoalan kajian ini. selain itu, pengkaji juga memerhati kawasan lapangan bagi tujuan mengenalpasti reka bentuk rumah yang dikaji di kawasan tersebut. Oleh itu, setiap daripada hasil tersebut dilakukan berlandaskan objektif yang telah ditetapkan bagi melengkapkan kajian ini.

5.1 Cadangan

Kajian yang telah dijalankan ini hanya memberi pengetahuan secara keseluruhan terhadap rekabentuk rumah orang asli di Kampung Ayer Molek Ibam, Pahang. Oleh itu, Pengkaji juga menyarankan beberapa cadangan kajian lanjut yang boleh dilaksanakan oleh pengkaji lain pada masa akan datang. Antaranya ialah dengan mengkaji mengenai nilai budaya dan identity rumah tradisional. Kajian ini melibatkan nilai budaya dan identiti dimana mereka boleh mengaitkan dengan rumah tradisional orang asli. Sebagai contoh, menganalisis simbol budaya yang dikaitkan dalam upacara serta hubungan antara rumah tradisional. Di samping itu, menganalisis perlambangan dan makna dalam seni bina rumah tradisi orang asli. Hal ini kerana, untuk mengkaji elemen seni bina seperti bentuk bumbung, susun atur bilik serta hiasa dan ukiran yang sedia ada. Selain itu juga mengkaji perubahan yang berlaku pada rumah tradisi beserta perkembangan dari masa ke semasa. Penyelidikan ini akan mendedahkan perlambangan dan makna di setiap unsur yang sering dikaitkan dengan kepercayaan sesuatu suku kaum, mitologi dan nilai budaya. selain itu, mampu mendedahkan bagaimana nilai budaya dan identiti dikenalkan atau diubah dalam konteks social dan teknologi.

Seterusnya, cadangan lain ialah kajian terhadap pemuliharaan dan penghidupan semula rumah tradisi. Ini melibatkan analisis dan strategi untuk merawat dan menghidupkan kembali rumah tradisi yang terancam dan terabai. Sebagai contoh, dengan melaksanakan beberapa program pemuliharaan, inisiatif pihak komuniti serta peranan kerajaan dalam mengekalkan kelestarian rumah tradisional orang asli ini. Mereka juga boleh melakukan pendokumentasian terhadap rumah tradisi orang asli yang masih ada. Ini termasuk dengan mengumpulkan maklumat mengenai bahan bangunan, seni bina serta nilai budaya yang terkait. Selain itu, membuat catatan secara visual dan bertulis dengan mengumpulkan gambar serta dokumentasi yang lain supaya dijadikan sumber maklumat. Pemerkasaan komuniti juga merupakan salah satu cara untuk menghidupkan semula rumah tradisi tersebut dengan membuat program dan aktiviti yang melibatkan komuniti orang asli dalam pemeliharaan dan pemuliharaan rumah tersebut. Justeru memberi latihan dan Pendidikan kepada masyarakat mengenai teknik dalam menghasilkan sebuah rumah tradisi dan menyelenggara supaya ia tidak hilang dimamah zaman. Disamping itu,

menggalakkan penyertaan masyarakat dalam pengurusan dan promosi rumah tradisi bagi memastikan kelestarian dan pemilikkan tempatan.

Kajian perubahan dan penyesuaian rumah tradisional juga merupakan salah satu cadangan kajian lanjut bagi kajian ini. ia melibatkan kajian mengenai bagaimana rumah tradisional orang asli ini telah menyesuaikan diri dengan perubahan zaman dan persekitaran, hal ini doleh dikaitkan dengan analisis kesan akibat pemodenan, perubahan iklim terhadap rumah tradisional dan lain-lain. Ini juga boleh menyiasat penyesuaian yang dibuat oleh komuniti orang asli sebagai tindak balas kepada perubahan yang berlaku seperti penggunaan bahan binaan alternatif yang lebih tahan terhadap cuaca yang melampau atau perubahan iklim. Selain itu, mengkaji perubahan seni bina dan ruang. Hal ini dikatakan demikian kerana, mereka mengenalpasti perubahan reka bentuk, struktur dan susun atur rumah tradisional orang asli ini. antara faktor yang mempengaruhi perubahan adalah seperti pengaruh budaya luar, teknologi baharu dan perubahan gaya hidup. Oleh itu, ia mendorong masyarakat asli ini untuk mengubah atau menginovasi kan rumah tradisi mengikut keselesaan mereka.

5.2 kesimpulan

Secara keseluruhan, pengkaji berharap agar melalui penyelidikan ini dapat membuka mata masyarakat luar tentang keunikkan seni bina rumah Orang Asli di Kampung Ayer Molek, Pahang. Kebanyakkan, generasi muda kini kurang ilmu pengetahuan berkenaan rekabentuknya serta fungsi pembinaan sesebuah rumah itu. Oleh itu, dengan adanya usaha ini dapat memelihara rumah Orang Asli ini daripada hilang nilainya. Pembinaan rumah yang berkonsepkan bahan semula jadi ini menunjukkan identiti sesebuah etnik di Malaysia. Di samping itu, pengkaji berharap agar maklumat ini dapat digunakan oleh anak muda kini sebagai maklumat yang berharga berkaitan dengan rekabentuk rumah Orang Asli. Oleh itu, Rekabentuk rumah ini perlu dijaga dan dipelihara strukturnya supaya tidak hilang dimamah arus kemodenan.

RUJUKKAN

Farhan. (2023). RUMAH ORANG ASLI (PANJANG). Mbpj.gov.my.

<http://muziumpj.mbpj.gov.my/pameran-thematik-teko/chinese-tea-pot>

Ghani, A., Mazlan Mohd Tahir, Leong Yin Chen, & Muhammad Faiz Bukhori. (2021). PENERAPAN ELEMEN BERPANGGUNG KEPADA REKA BENTUK RUMAH TERES DI MALAYSIA UNTUK MENCAPAI KESELESAAN TERMA MELALUI PENGUDARAAN SEMULA JADI. *Journal of Design + Built*, 14(1).

<https://spaj.ukm.my/jsb/index.php/jdb/article/view/577>

Ismail, H., & Che Zarrina Saari. (2005). Masyarakat Orang Asli dan Pembangunan Insaniah. ResearchGate; unknown.

https://www.researchgate.net/publication/313477275_Masyarakat_Orang_Asli_dan_Pembangunan_Insaniah

Milly, M., Pully, B., Sarjana Muda, I., Gunaan, S., Kreatif, D., & Kepujian, D. (n.d.). BENTUK-BENTUK KESENIAN DALAM SERAHANG KAUL YANG MENJADI LAMBANG KEPADA IDENTITI MELANAU. Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif. Retrieved February 12, 2023, from

<https://ir.unimas.my/id/eprint/23601/1/BENTUK-BENTUK%20KESENIAN%202024pgs.pdf>

Nilo Rizal. (2020). Definisi Dan Konsep Teori Fungsionalisme. Academia.edu.

https://www.academia.edu/29769591/Definisi_Dan_Konsep_Teori_Fungsionalisme

Ahmad Irfan bin Ikmal Hisham, 2015, Analisis Tematik Hadith Berkaitan Faqir dan Miskin Dalam Sahih Bukhari68.

Dyah Satya Yoga Agustin, 2011, Penurunan Rasa cinta Budaya Dan Nasionalisme Generasi Muda Akibat Globalisasi.

<http://iptek.its.ac.id/index.php/jsh/article/view/632>

Jumratiah Binti Jaani, 2013, Research Methodology

<https://www.scribd.com/doc/212666949/Sorotan-Kajian>

Ahmad Rijali, 2018, Analisis Data Kualitatif

https://www.researchgate.net/publication/331094976_ANALISIS_DATA_KUALITATIF/fulltext/5c657021a6fdccb608c289e8/ANALISIS-DATA-KUALITATIF.pdf?origin

Siti Aminah binti Mohd Sam, 2015, Kajian Amalan Budaya Orang asli Suku Kaum Jakun

<https://core.ac.uk/download/pdf/42955379.pdf>

LAMPIRAN



Rajah 4: Sesi Temubual Bersama Penduduk kampung Ayer Molek Ibam, Pahang,

Sumber: kajian lapangan 2024



Rajah 5: Pengkaji Menjalankan Pemerhatian Di kampung Ayer Molek, Ibam, Pahang

Sumber: Kajian Lapangan 2024

LATAR BELAKANG INFORMAN

Nama Informan	Abu A/L Ajiz
Peranan	Tok Batin
Tarikh/Hari Temubual	22 Januari 2024 (Sabtu)
Lokasi	Kampung Ayer Molek Ibam, Pahang

Nama Informan	Supry A/L Raof
Peranan	Penduduk Kampung
Tarikh/Hari Temubual	22 Januari 2024 (Sabtu)
Lokasi	Kampung Ayer Molek Ibam, Pahang

Nama Informan	Izzatul Ain A/P Hussien
Peranan	Penduduk kampung
Tarikh/Hari Temubual	22 Januari 2024 (Sabtu)
Lokasi	Kampung Ayer Molek Ibam, Pahang

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

Informan 1: Abu A/L Ajiz

Interview Transcript	
A	Boleh saya tahu nama Pakcik?
B	Nama boleh tahu, nama saya Abu dekat sini. Haa banyak orang tahu tanya saya hahaha (ketawa)
A	Umur pakcik?
B	Umur 40 lebih
A	Saya nak tanya pakcik buat rumah ni daripada apa? apa bahan bahan yang digunakan untuk buat rumah tradisi ni? Macam kayu apa?
B	Oh yelah itu memang kayu hutan la, itu jelah tiang tiang dia tapi saya tidak tahu kayu apa itu.
A	Selepas itu, dinding? atap? Semua dibuat daripada apa?
B	Dinding dari mengkuang, atap ni dari daun Serdang. Sama jelah kayu atap dengan yang bawah itu. Untuk atap atas dia tu saya letak zink sikit lah.
A	Macam mana nak dapatkan bahan ini? mungkin pakcik ambik sekitar sini ke?
B	Ha iya pergi hutan lah, ambik daripada hutan sana bawak sini, ambik masa sikit lah dalam satu bulan lebih. Begitulah satu bulan dua bulan gitu. Ni pon kadang-kadang kena jahit lagi. ni pon sama daun dinding kene jahit lagi. banyak proses dia.
A	Biasa kalau buat rumah ini sendiri sahaja ke atau ada ahli keluarga? Upah? ke macam mana?
B	Saya satu orang buat. Haa, kadang-kadang pon anak tak pandai buat. Kena belajar lah cara nak buat rumah semua tu.
A	berapakah anggaran kos dalam membuat sebuah rumah ini?
B	Untuk bajet nak, tak berapa banyak jugak lah, sebab kita pun buat sendiri takda keluar wang, kita buat sendiri. Mungkin adalah dalam RM 200 ringgit untuk bahagian paku itu ajalah, yang lain tiada semua sendiri buat. Bajet saya nak siapkan ini dalam dua bulan lebih siap begitulah. Semua sendiri saya ambil dari hutan sana.
A	Ouhh kiranya ambik sekitar sini jelah?
B	Iya iya.. (menganguk)

Informan 2: Supry A/L Raof

Interview Transcript	
A	Selamat petang, maaf menganggu.
B	Ya ya, selamat petang, takpa saya takda buat apa jugak ni hahaha (ketawa)
A	Saya nak tanya sedikit mengenai rumah ini boleh?
B	Boleh-boleh
A	Adakah setiap rumah di sini sama ja bahan dia?
B	Tak kalau ini atap daun sama serdang, dinding dari buluh. Dia berbeza lain lain bahan yang digunakan.
A	Berapa buah kah rumah tradisi ini di Kawasan Ayer Molek ini?
B	Banyak, adalah dalam 40 buah tapi semua tu tiada dah. Ini ja yang tinggal, kalau ada pun guna atap zink, guna dinding kayu sekarang ni.
A	Oh faham, maksudnya rumah tradisi lain tiada hanya sebuah sahaja yang tinggal. Selepas itu, saya nak tanya setiap reka bentuk rumah ni ada fungsi ruang tu sendiri? sebagai contoh, ruang dapur, ruang bilik, dan sebagainya.
B	Takdelah sebab saya buat sana ruang dapur dekat belakang panjang, belah kiri ada bilik 1, depan tu ruang tamu. Besar kecil tak sama ikut sendiri lah saya buat kadang-kadang melintang sana, kadang-kadang melunjur sana. Haa macam tu.
A	Bagi pakcik sendiri macam mana kawasan ini sesuai untuk membina rumah ini. kenapa tidak duduk rumah PPRT. Seperti yang saya tahu, JAKOA juga telah menyediakan rumah batu atau rumah PPRT untuk orang asli?
B	Ya ya, dulu saya tak suka rumah batu tu hahah (ketawa) panas, kalau macam ini kan sejuk selesa lah selesa. Dulu saya pindah kat sini sebab banjir jadi mak ayah saya dulu-dulu tu buat rumah kat sini. Tapi sekarang ni susah jadi saya duduk rumah PPRT, kalua saya duduk rumah ini untuk saja-saja.
A	Seterusnya, saya nak tahu macam mana pakcik terlham nak buat rumah macam ni?
B	Saya macam ni memandangkan tiada kos untuk beli jadi saya ambil bahan-bahan dari hutan sana, kayu daun semua tu buat sendiri. Itu dari asal usul saya dari zaman atuk nenek sampai sekarang jadi saya tahu lah. Reka bentuk rumah ini

	pon sendiri-sendiri saja saya buat dapur belah sini, besar macam ini haa semua sendiri lah.
A	Oh faham-faham, apa yang saya boleh kata kan rumah ini tercetus dari pakcik sendiri dan mengikut citarasa lah ya?
B	Ya betul hahah (ketawa)
A	Okey baik terima kasih pakcik atas masa yang diberikan
B	Sama-sama

Informan 3: Izzatul Ain A/P Hussien

Interview Transcript	
A	Hi, selamat petang hehe (bersalaman)
B	Hi hehe.. (senyum)
A	Saya ada sedikit beberapa soalan untuk bertanya kepada puan? Boleh saya minta masanya sekejap?
B	Boleh boleh haha (ketawa)
A	Menurut puan kenapa rumah tradisi ini tidak lagi digunakan?
B	Oh ya, sekarang ni dah ada rumah PPRT lagi selesa, macam rumah kayu ni takda tandas dalam dia jadi kalau nk pergi tu kena keluar lah.
A	Oh, faham, maksudnya Puan lebih memilih unutk tinggal di rumah yang disediakan. Mungkin ada sebab lain kalau boleh saya tahu?
B	Ada, kalau macam rumah kayu ni sejuk selesa tapi sebab sekarang ni semua dah moden kan, macam rumah PPRT ni ada api air tandas lagi mudah untuk saya yang berkeluarga.
A	Kalau boleh saya tahu, di sini kalau saya tengok ada rumah tradisi ni yang bersambung dengan rumah batu, adakah puan sendiri tambah?

B	Ya betul, suami saya buat lagi besar jadi tiada dah rumah yang macam dulu-dulu tu. Banyaknya pun orang tak duduk dah dekat situ sebab ramai keluar kan.
A	Kalau boleh saya tahu, mereka kemana ya?
B	Ada yang keluar untuk kerja di luar sebab sini susah nak cari makan, kalau ada pun tak banyak. Anak-anak jelah keluar ke bandar kerja kilang.
A	Oh, kiranya penduduk disini tidak ramai lah?
B	Ya hahah (ketawa) ini pun susah sebab sini selalu banjir jadi ramai keluar tak duduk sini dah.
A	Sebab itu banyak yang meninggalkan rumah tradisi ni ya? dibiarkan begitu sahaja?
B	Ya, tiada orang nak duduk dah
A	Boleh saya tahu sejarah kampung ini?
B	Dulu sini memang kosong, orang tua dulu lah duduk dekat air besar sana ada jambatan loji sana haa, sebab dulu selalu banjirkan diorang pindah dekat sini. Itu yang buat rumah dekat sini jadilah Kampung Ayer Molek. Dulu tak banyak penempatan lebih kurang 2 3 buah rumah macam tulah. Dulu dekat sana belah kiri sebelah kebun jadi banjir selalu naik dioang cari tempat sini lebih tinggi lah.
A	Oh, terima kasih atas perkongsian
B	Sama-sama

UNIVERSITI
 MALAYSIA
 KELANTAN